



KENYATAAN MEDIA

**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU
JAAFAR**

**SEMPENA
HARI GAJAH SEDUNIA 2016
(WORLD ELEPHANT DAY 2016)**

12 OGOS 2016

Hari Gajah Sedunia atau *World Elephant Day* disambut pada setiap 12 Ogos setiap tahun bertujuan menyeru orang ramai untuk menyokong agensi-agensi yang bekerja untuk menghentikan pemburuan haram dan perdagangan gading gajah dan produk hidupan liar lain, melindungi habitat gajah liar, dan menyediakan perlindungan dan habitat alternatif untuk gajah hidup bebas.

Seluruh dunia telah menunjukkan kebimbangan mereka mengenai penurunan populasi gajah melalui sambutan *World Elephant Day* di samping membuktikan bahawa manusia menghargai gajah dan sanggup

melakukan apa sahaja yang mereka mampu untuk membantu usaha konservasi gajah.

Sambutan ini juga merupakan satu inisiatif bagi meningkatkan kesedaran awam untuk menyayangi spesies gajah dan mengelakkan persepsi negatif terhadap gajah terutamanya di kawasan berhadapan dengan konflik. Di samping itu, konflik manusia-gajah di kawasan yang terjejas telah dapat dikurangkan sejak kebelakangan ini atas usaha pelbagai pihak yang menyokong langkah-langkah mitigasi yang dogariskan oleh kerajaan dalam pengurusan gangguan gajah.

Malaysia sangat bertuah kerana memiliki kepelbagaian hidupan liar yang tinggi dan masih terpelihara termasuklah gajah liar yang masih membiak dan aktif di beberapa habitat yang dilindungi. Namun begitu, faktor utama ancaman populasi gajah di Malaysia ialah kehilangan habitat, konflik manusia-gajah serta pemburuan haram. Kesedaran awam terhadap usaha pemuliharaan hgajah di negara kita perlu ditingkatkan di kalangan semua lapisan masyarakat terutamanya di kalangan generasi muda.

Sebagai komitmen kita kepada inisiatif memulihara gajah liar, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Tindakan Pemuliharaan Gajah Kebangsaan (*National Elephant Conservation Action Plan, NECAP*) 2013 – 2022 di mana beberapa strategi telah dikenalpasti termasuk aspek penguatkuasaan,, kesedaran awam, pemantauan populasi, perlindungan habitat, perlindungan spesies, penyelidikan dan pengurusan konflik.

Melalui pendekatan Strategi Laut Biru Kebangsaan; MyGajah Working Group iaitu gabungan agensi utama yang terlibat dalam pemuliharaan gajah di Malaysia, telah bersetuju untuk berkongsi sumber dan kepakaran ke arah melaksanakan semua rancangan tindakan tersenarai dalam

NECAP termasuk untuk melaksanakan program ini. Program ini diketuai oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dengan kerjasama Wildlife Conservation Society (WCS), Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), WWF Malaysia, TRAFFIC dan Management and Ecology Malaysian Elephant (MEME).

Pemuliharaan gajah dan hidupan liar serta habitatnya adalah tanggungjawab bersama dan bukannya kerajaan semata-mata. Sebagai manusia, kita semua berkait rapat dengan alam sekitar dan setiap elemen di alam semula jadi memberi kesan kepada kehidupan kita. Justeru, marilah kita mengambil sikap yang proaktif dalam tanggungjawab memulihara alam semula jadi. Kesedaran ini haruslah dimulakan di rumah, daripada zaman kanak-kanak serta menjadi sebahagian kehidupan kita sehingga akhir hayat.